

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, November 30, 2017 10:26 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Staf - Pesara UUM
Subject: Gaya Pemikiran Politik Al-Ghazali



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



30 NOVEMBER 2017 / 11 RABIULAWAL 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

GAYA PEMIKIRAN POLITIK AL-GHAZALI



UUM ONLINE: Wacana buku bertajuk *Negara Masalah Dalam Konteks Malaysia* telah berlangsung dengan jayanya di Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia (UUM), semalam. Majlis ini merupakan satu wadah perkongsian ilmu yang menarik dalam mengupas kandungan dan isi buku yang mampu memangkinkan masyarakat berilmu dan sukakan membaca.

Majlis anjuran Penerbit UUM dengan kerjasama Pertubuhan Kearifan Islam Malaysia (OMIW), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) bertujuan membincangkan isu yang diutarakan penulis buku ini, iaitu Tan Sri Datuk Seri Dr. Alies Anor Abdul, Pengerusi PWTC.

Majlis ini menampilkan tiga orang ahli panel, iaitu Profesor Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), UUM CAS, Prof. Dr. Shukri Ahmad yang mewakili Naib Canselor UUM, Prof. Dato Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak, Dr. Akli Ahmad, Timbalan Dekan Akademik Kuliyyah Undang-Undang, Kolej Universiti Insaniah dan PM Dr. Muhammad Nasri Md Hussain, Pensyarah Pusat Pengajian Perniagaan Islam UUM. Ia dipengerusikan oleh PM Dr Kassim Thukiman, Pensyarah UTM.

Dalam hujah Prof. Dr. Shukri Ahmad, beliau menzahirkan pendapat bahawa apabila bercakap tentang negara, sebuah masyarakat mesti ada negara. Negara tidak sempurna tanpa wilayah dan wilayah tidak jadi hebat jika tidak mempunyai kepimpinan yang mempunyai sifat dan nilai-nilai agama. Buku ini yang mengetengahkan pemikiran al-Ghazali sangat bertepatan dengan konsep bernegara.

“Pemikiran al-Ghazali adalah terjemahan kepimpinan khalifah pertama Islam, iaitu Abu Bakar As-Siddiq yang mana apabila dilantik menjadi khalifah, beliau menyampaikan khutbah yang berbunyi *sesungguhnya aku dilantik dari kamu tapi aku bukan yang terbaik dalam kalangan kamu. Jika kamu lihat aku benar bantulah aku dan jika aku berada di atas kesilapan tegurlah aku.*

Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri Md Hussain pula memulakan ucapan dengan mengungkapkan pesanan al-Ghazali, iaitu *kalau kamu jadi pemimpin jangan jadi pemimpin gila kuasa, keinginan untuk menguasai dan menundukkan orang, keinginan hak istimewa* kerana faktor inilah yang menyumbang kepada kejatuhan Kerajaan Abasiyah suatu ketika dahulu.

“Politik satu perjuangan untuk memperbaiki hidup orang lain dengan jalan yang lurus dan betapa pentingnya peranan pemimpin yang wajib sayangi rakyat, memerintah secara adil dan menepati janji selain memiliki sifat amanah, mampu mengurus, berilmu dan rendah hati.”

“Al-Ghazali menulis apa yang dilihat kerana menurut al-Quran, sejarah yang lepas akan berulang kembali. Justeru, pengkaji sejarah berpegang pada sejarah kerana yakin bahawa sesuatu yang berlaku pada suatu ketika dahulu pasti akan berulang semula pada masa akan datang,” ucapnya di hadapan 200 peserta.

Jelas beliau lagi, dewasa ini hampir semua negara Arab berdepan masalah antaranya Libya, Yaman, dan Iraq selain Rohingya yang mana konflik bermula apabila tiada kerajaan yang menjaga mereka.

“Selagi ketua negara tidak meninggalkan sembahyang, kita mesti patuh dan taat kepada pemimpin selagi mana ia tidak bertentangan dengan hukum Islam. Kalau jatuhkan negara sehingga negara tiada kuasa dan tidak ada ketua, keadaan itu lebih bahaya seperti yang berlaku di Yaman, Syria dan Iraq yang meninggalkan kesan buruk kepada rakyat dan negara,” katanya.

Sementara itu, Dr. Akli mendefinisikan masalah sebagai sesuatu yang boleh mendatangkan manfaat yang menjadi tuntutan dalam Islam dan makhluk sejagat. Justeru, negara masalah mesti memikirkan yang sesuatu yang terbaik dan bermanfaat untuk rakyat.

“Pengisian negara masalah meletakkan Islam sebagai agama persekutuan yang menitikberatkan bukan sahaja perkara dunia malah akhirat manakala pemimpin terdiri dalam kalangan yang memahami selok-belok agama demi menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta,” ulasnya.

Menurutnya, dunia mengenali al-Ghazali sebagai pelopor penting dalam bidang tasawuf, etika sosial dan psikologi pendidikan sebagai acuan utamanya. Namun, amat sedikit yang mengetahui sisi penting al-Ghazali dalam khazanah intelektual Islam sebagai pengasas politik dan kenegaraan.

“Melihat kepada perkara tersebut, Tan Sri Alies Anor Abdul mengaitkan situasi semasa politik negara dengan pemikiran politik falsafah Sunni Imam al-Ghazali”.

“Secara umumnya, buku ini merupakan kajian dan cetusan idea yang ingin diketengahkan kepada khalayak pembaca mengenai kepentingan pemikiran politik al-Ghazali dalam wacana dan amalan politik di Malaysia,” tambahnya.

Buku setebal 266 halaman ini dibahagikan kepada tujuh bab membincangkan teori umum dan pandangan dalam politik Islam serta latar belakang al-Ghazali selain mencadangkan faktor yang boleh menambahbaik sistem politik dan kekuasaan negara Malaysia ke arah yang lebih sempurna untuk menjadi sebuah Negara Masalah.

Buku ini sesuai dijadikan rujukan sebagai langkah mencungkil warisan pemikiran politik Islam dalam memberikan panduan pemikiran dan amalan bagi pentadbiran sebuah negara.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.